

Jepun perlu cebur teknologi tinggi

Oleh Izman Ismail

27 NOV 1993

KUALA LUMPUR, **Jumaat** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta Jepun meneroka pelaburan baru dalam bidang berteknologi tinggi di negara ini selain elektronik dan barangan keperluan tempatan.

Perdana Menteri berkata, barangan berteknologi tinggi tidak memerlukan buruh yang ramai sebaliknya hanya buruh mahir yang mampu disediakan oleh Malaysia.

"Walaupun ia memerlukan kos yang lebih tinggi tetapi ia masih lebih murah berbanding kos buruh di Jepun.

"Kerajaan akan berusaha sebaik mungkin bagi menyediakan latihan asas yang diperlukan.

"Lagipun, iklim industri di Jepun kini lembab tetapi pelaburan di negara ini masih menguntungkan.

"Kini sudah tiba masanya untuk Jepun merebut peluang bagi mengatasi kemeltesan ekonomi di samping kenaikan Yen.

"Mereka boleh menggunakan kelebihan upah tenaga buruh di Malaysia yang masih rendah tetapi produktiviti tinggi,"

katanya di majlis ulang tahun ke-10 Dewan Perniagaan dan Industri Jepun di Malaysia (JACTIM).

Selain itu, Dr Mahathir berkata, sebagaimana sebelum ini, Kerajaan Malaysia akan bertindak cepat secara positif bagi memenuhi keperluan ekonomi negara.

Ini termasuk meminda Dasar dan Akta Pendidikan bagi memenuhi keperluan industri.

Mengenai prestasi ekonomi Malaysia, Dr Mahathir berkata, keupayaan negara mewujudkan keadaan politik yang stabil dan tenaga buruh yang mantap menarik pelabur asing secara berterusan.

"Dalam usaha untuk bersaing dengan negara lain, kerajaan berusaha memperbaiki jenteranya.

"Dasar penswastaan dan penyusunan semula jabatan kerajaan berjaya meningkatkan keberkesanan birokrasi.

"Tindakan ini bukan sahaja mengurangkan kelemahan kerajaan dan sudah menunjukkan hasilnya.

"Sebagai contoh, pelaburan, lebuhraya, telekomunikasi dan bekalan elektrik kini lebih berkesan," katanya.

Mengulas hubungan Malaysia-JACTIM, Dr Mahathir berharap usahawan Jepun, sektor swasta dan pegawai kerajaan dapat mewujudkan formula baru bagi membantu Malaysia mencapai

matlamat Wawasan 2020.

"Ini penting kerana Jepun adalah negara pertama muncul apabila Malaysia mengubah kepada dasar industri.

"Sepanjang tempoh 1980-1992, pelaburan Jepun berjumlah RM16.7 bilion.

"Jumlah ini membabitkan sebanyak 1,045 projek yang menawarkan 200,800 peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

"Saya berbangga kerana pada tahun lalu, sebanyak 146 projek bernilai RM2.68 bilion lagi sudah diluluskan," katanya.

Perdana Menteri berkata, Jepun kini muncul sebagai rakan dagangan terbesar Malaysia atau 19.6 peratus daripada dagangan antarabangsa negara ini.

Di peringkat tempatan pula, Jepun menguasai sebanyak 34.6 peratus daripada pelaburan asing.

"Oleh itu, kita tidak hairan berlaku defisit dalam perdagangan di antara Malaysia dan Jepun kerana ia berpunca daripada import pelabur mereka di negara ini," katanya.